






SIARAN AKHBAR

INDEX HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU PERTAMA 2019 (Q1 2019)

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku pertama 2019. Indeks ini dihasilkan dengan data-data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
2. Pada suku pertama tahun 2019, RPPI menunjukkan kenaikan sebanyak 4.9% tahun-ke-tahun kepada 91.6 berbanding dengan suku pertama tahun 2018, dan peningkatan sebanyak 5.6% berbanding dengan suku keempat tahun 2018.

| Tempoh | Indeks (Q1 2015 = 100) | Perubahan (%) | |
|---------|---------------------------|---------------|--------------|
| | | Dari Q4 2017 | Dari Q3 2018 |
| Q1 2019 | 91.6 | 4.9 | 5.6 |





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 115 transaksi pembelian hartanah kediaman telah dicatatkan pada suku pertama tahun 2019. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah *detached* (53.0%), diikuti oleh rumah teres (21.8%), rumah berkembar atau *semi-detached* (20.0%), dan

pangsapuri (5.2%). Tiada pembelian tanah melalui pinjaman bank telah dicatatkan pada suku tersebut.

4. Harga *median* bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman pada tempoh suku pertama tahun 2019 adalah BND245,000. Harga *median* bagi pembelian rumah *detached* adalah BND288,000, bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND250,000, bagi rumah teres adalah BND160,000, dan bagi pangaspuri adalah BND325,000. Harga *median* secara keseluruhan bagi pembelian harta tanah kediaman pada tempoh suku pertama tahun 2019 telah menurun sebanyak 2.0% tahun-ke-tahun berbanding dengan suku pertama tahun 2018. Jika dibandingkan dengan suku keempat tahun 2018, harga *median* bagi pembelian harta tanah kediaman telah menurun sebanyak 2.8% suku tahun ke suku tahun.
5. AMBD ingin memaklumkan bahawa indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman adalah berbeza tertakluk antara lainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD (www.ambd.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 16 Zulkaedah 1440H/ 19 Julai 2019M
Rujukan: AMBD/COMMS/3